

27 JAN 1999

Abdullah-Suruhanjaya

KERAJAAN TIDAK CAMPUR TANGAN DALAM SURUHANJAYA, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini berkata, suruhanjaya khas yang ditubuhkan untuk menyiasat kecederaan pada Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika dalam tahanan polis September lepas, bebas daripada campur tangan kerajaan.

"Kita tidak ambil apa-apa peranan dalam hal ini kerana kita mahu suruhanjaya ini bertindak benar-benar bebas dan tidak ada apa-apa gangguan daripada kerajaan," kata beliau.

Bercakap kepada pemberita di majlis Hari Raya anjuran Umno Wilayah Persekutuan di sini, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, kerajaan akan menyerahkan kepada suruhanjaya itu untuk memutuskan bagaimana ia akan menjalankan tugasnya.

"Kita serahkan kepada suruhanjaya itu untuk menentukan apakah cara yang paling baik dan sesuai untuk mereka menjalankan tugas mereka mengikut 'terms of reference' yang telahpun ditetapkan," kata beliau.

Abdullah berkata demikian sebagai mengulas penubuhan suruhanjaya itu seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal hari ini.

Perdana Menteri berkata bekas Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Othman akan mengendalikan penyiasatan itu dan suruhanjaya itu akan dianggotai bekas Hakim Besar Malaya Tan Sri Anuar Zainal Abidin, hakim Mahkamah Rayuan Datuk Mahadev Shankar dan seorang doktor bedah ortopedik yang belum dinamakan.

Abdullah juga berkata suruhanjaya itu akan menentukan sekretariat dan kakitangannya.

Anwar, bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, didakwa di mahkamah kerana menggunakan kedudukannya untuk mengarahkan bekas pengarah Cawangan Khas Datuk Mohd Said Awang dan timbalannya Datuk Amir Junus mendapatkan kenyataan bertulis dari dua orang bagi menafikan dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Anwar mendapat perhatian dunia apabila muncul di mahkamah pada Sept 29 dengan mata kirinya lebam, sekaligus mencetuskan gesaan supaya kerajaan menubuhkan badan bebas khas untuk menyiasat perkara itu.

Ketika ditanya sama ada suruhanjaya itu akan diberi satu tempoh untuk menyiapkan siasatannya, Abdullah berkata terserah kepada suruhanjaya itu untuk menentukannya.

"Kita tak mahu nanti ada orang menganggap kita menghadkan kerja mereka. Ini tentulah tak baik. Biarlah mereka menentukan sampai mana mereka perlu untuk menyelesaikan tugas yang diberikan kepada mereka," kata beliau.

Mengenai kenyataan setiausaha agung DAP Lim Kit Siang bahawa suruhanjaya itu harus menjalankan prosidingnya secara terbuka, Abdullah berkata terserah kepada suruhanjaya itu untuk menentukannya.

Beliau berkata, kerajaan tidak akan menetapkan sebarang syarat kepada suruhanjaya itu melainkan "terms of reference" iaitu tugas yang perlu dilakukan oleh anggota suruhanjaya itu.

Abdullah juga berkata terpulang kepada suruhanjaya itu untuk mendapatkan sebarang maklumat atau bantuan dalam menjalankan tugasnya.

Mengenai penurunan kadar tol bagi Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) dan kadar tol baru untuk Lebuhraya Utara-Selatan yang diumumkan Dr Mahathir awal hari ini, Abdullah berkata ia merupakan langkah terbaik Kabinet.

Kadar tol untuk LDP telah diturunkan daripada RM1.50 kepada RM1 bagi kereta persendirian berkuatkuasa selepas Tahun Baru Cina manakala kadar tol

untuk kereta persendirian bagi Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) akan dinaikkan sebanyak 0.75 sen sekilometer berkuatkuasa tarikh yang sama.

Mengenai tindakan kerajaan melarang penyiaran kartun muzikal Hollywood bertajuk "The Prince of Egypt" tanpa memberi alasan, Abdullah berkata "pihak-pihak tertentu" telah merayu supaya larangan itu dibatalkan.

"Kita tunggu sahaja," kata beliau.

Dilaporkan filem itu diharamkan di Maldives minggu lepas atas alasan ia menggambarkan Nabi Musa, yang ia dianggap menyinggung Islam.

--BERNAMA

ES PR